

Antara Moden dan Tradisi: Persepsi Generasi Z Sama-Bajau terhadap Warisan Budaya Tidak Ketara

Between Modernity and Tradition: Gen Z Sama-Bajau: Perception of Intangible Cultural Heritage

ROSMAH DERAK¹, NOORAFINI KASSIM¹, SAIDATUL NORNIS MAHALI^{1*}, JUNAIDAH JANUIN¹, SHAFFARULLAH ABD RAHMAN¹ & SANEN GERARD MARSHALL¹

¹Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah

*Pengarang koresponden: saidatul@ums.edu.my

Received: 31 October 2025; Accepted: 10 Disember 2025

ABSTRAK

Penerusan warisan budaya tidak ketara jarang sekali dibincangkan terutama yang melibatkan generasi Z. Pengetahuan dan penerimaan generasi Z etnik Sama-Bajau diketengahkan melalui makalah ini untuk meneliti sejauh mana tahap pengetahuan dan penerimaan generasi ini terhadap muzik dan seni persembahan sebagai warisan budaya tidak ketara yang diwarisi turun temurun. Kajian ini adalah kajian kuantitatif yang melibatkan reka bentuk tinjauan deskriptif untuk mengukur tahap pengetahuan dan tahap penerimaan mereka. Persampelan rawak mudah telah digunakan untuk mendapatkan data dan seramai 205 orang responden dipilih melalui kerjasama bersama dengan jawatankuasa komuniti Sama-Bajau di daerah Kota Belud dan Tuaran. Instrumen kajian berbentuk soal selidik berstruktur yang merangkumi dua bahagian utama iaitu tahap pengetahuan (8 item) dan tahap penerimaan (10 item), masing-masing diukur menggunakan skala Likert lima mata (1 = sangat tidak setuju hingga 5 = sangat setuju). Kesahan kandungan soal selidik telah disahkan oleh tiga orang pakar dalam bidang budaya dan pendidikan. Kajian rintis yang dijalankan ke atas 50 orang responden dengan nilai Cronbach's Alpha melebihi 0.85 menandakan kebolehpercayaan yang tinggi. Proses pengumpulan data diperoleh dengan dua kaedah iaitu edaran bersemuka di pusat komuniti yang terlibat dan edaran secara talian melalui google form. Dapatan kajian menunjukkan generasi Z Sama-Bajau memiliki tahap pengetahuan yang berada pada tahap sederhana hingga tinggi terhadap warisan budaya tidak ketara mereka. Tahap penerimaan lebih menonjol berbanding tahap pengetahuan terhadap muzik tradisi dan seni persembahan etnik berdasarkan data yang diperoleh. Hal ini menunjukkan generasi Z mempunyai tahap kesedaran terhadap kepentingan menjaga warisan budaya etnik meskipun dari aspek praktikal dan penglibatan mereka secara langsung terhadap kegiatan budaya tersebut masih lagi terbatas. Kajian ini penting agar kelangsungan dan kelestarian warisan budaya tidak ketara Sama-Bajau dapat dipelihara dan tidak pupus akibat kepesatan teknologi yang banyak mempengaruhi kehidupan generasi Z Sama-Bajau pada masa kini.

Kata Kunci: Warisan budaya tidak ketara, pengetahuan, penerimaan, generasi Z, etnik Sama-Bajau

ABSTRACT

The maintenance of intangible cultural heritage is seldom addressed, particularly with reference to Generation Z. In response to this gap, the present paper emphasises the knowledge and acceptance of intangible cultural heritage among Generation Z within the Sama-Bajau ethnic group. Specifically, it aims to investigate the extent of this generation's understanding and appreciation of music and the performing arts as intangible cultural heritage that is transmitted across generations. To achieve this objective, a quantitative methodology was utilised, employing a descriptive survey design to assess participants' knowledge and acceptance levels. Simple random sampling was adopted for data collection, resulting in the selection of 205 respondents in collaboration with Sama-Bajau community committees in the districts of Kota Belud and Tuaran. The research instrument comprised a structured questionnaire with two principal sections: knowledge (eight items) and acceptance (ten items), each measured using a five-point Likert scale (1 = strongly disagree to 5 = strongly agree). Importantly, content validity was established by three experts in the fields of culture

and education. Furthermore, a pilot study involving 50 respondents produced a Cronbach's alpha exceeding 0.85, thereby indicating a high level of reliability. Data collection was conducted through two methods, namely face-to-face distribution at participating community centres and online distribution via Google Forms. The findings indicate that Sama-Bajau Generation Z possess moderate to high levels of knowledge regarding their intangible cultural heritage. Notably, the acceptance of traditional music and ethnic performing arts was found to be stronger than knowledge. Based on these results, it can be inferred that Generation Z is aware of the importance of safeguarding their ethnic cultural heritage; however, their practical engagement and direct participation in such activities remain limited. In conclusion, this study is crucial for ensuring the continuity and sustainability of Sama-Bajau cultural heritage, particularly in light of the rapid technological advancements that significantly influence the lives of the current Sama-Bajau Generation Z.

Keywords: Intangible cultural heritage; knowledge; acceptance; Generation Z; Sama-Bajau ethnic group.

PENGENALAN

Isu-isu tentang pelestarian warisan budaya sama ada budaya ketara mahupun budaya tidak ketara telah lama dibangkitkan oleh pelbagai pihak di seluruh negara misalnya, isu kepupusan budaya tradisi komuniti Orang Asli di Semenanjung Malaysia yang telah diusulkan sejak tahun 2014. Masyarakat ini juga menerima tempas pemodenan yang menyebabkan generasi mudanya menisihkan tradisi silam milik mereka. Sejak tahun 2016, telah dikesan kemerosotan pementasan Wayang kulit; Nyanyi-tari Boria. Demikian juga dengan pementasan budaya Mek Mulung, Menora, Main Puteri, Mak Yong dan lain-lain seni-tari yang berhadapan dengan isu ketiadaan pelapis dalam kalangan generasi muda. Kemudiannya nyanyi-tari di wilayah Borneo turut didapati berhadapan dengan ancaman peminggiran dan kurangnya maklumat serta ketiadaan pelapis untuk meneruskan warisan budaya berkenaan. Antaranya nyanyi-tari Bebayuh, Nyivanpehmung, Kanjet, dan Sumirid (Lena Farida et al. 2023).

Di negeri Sabah, etnik Sama-Bajau turut berhadapan dengan masalah kurangnya pelapis dalam kalangan generasi muda yang mempelajari dan mewarisi warisan budaya tidak ketara seperti muzik dan seni persembahan. Malah, warisan budaya tidak ketara ini sudah menunjukkan tanda-tanda kepupusan dan wujud kebimbangan dalam kalangan etnik Sama-Bajau terutama dalam memastikan penerusan dan kelangsungan warisan budaya tidak ketara mereka (Lena Farida & Mohd Kipli 2017). Perkembangan media sosial sedikit sebanyak telah memberi kesan kepada warisan budaya sesuatu kaum dan etnik yang terdapat di Malaysia terutama dalam aspek penerimaan dan pengetahuan generasi Z terhadap perwarisan warisan budaya yang menjadi identiti mereka (Natasha & Zuliskandar 2020). Torus (2025) berpandangan akses terhadap budaya

global begitu mudah didapati dalam media sosial menyebabkan generasi Z lebih mudah mengetahui hiburan dari luar negara berbanding dengan warisan budaya mereka yang diwariskan secara turun temurun. Lanny et al. (2021) mengatakan generasi muda yang terdedah dengan pengaruh teknologi dan budaya Barat/budaya luar menyebabkan mereka kurang meminati warisan budaya tidak ketara. Selain itu, Rabiatul Addawiah et al. (2024) berpandangan kekurangan pengetahuan terhadap budaya dan kepentingan menjaga warisan budaya merupakan faktor penyebab kepada hilangnya minat generasi muda untuk mempelajari, menghargai, melibatkan diri serta mempraktikkan warisan budaya tidak ketara dalam kehidupan mereka.

Kepekaan terhadap upaya pemeraksanaan warisan budaya tidak ketara ini perlu ditangani segera kerana perubahan sikap para pewaris setiap warisan berkenaan semakin memudar. Hal seumpama ini merupakan suatu penjajahan minda secara psikologi kerana generasi muda menganggap semua warisan budaya tradisi sama ada ketara atau tidak ketara sebagai suatu warisan yang berlawanan sifatnya dengan kepesatan teknologi hari ini. Justeru, Burhanuddin (2015) menjelaskan tentang keperluan untuk mewariskan budaya melalui proses *transmission of culture* iaitu proses pembudayaan melalui pewarisan budaya dari satu generasi ke generasi agar warisan budaya tidak ketara ini terus lestari dan kekal zaman berzaman. Berpandukan jumlah dokumentasi yang sangat terhad terhadap warisan tradisi budaya tidak ketara yang berkaitan dengan penerusan tradisi oleh generasi Z Sama-Bajau, maka kajian ini dilakukan untuk meneliti sejauh mana tahap pengetahuan dan penerimaan generasi Z Sama-Bajau terhadap warisan budaya tidak ketara khususnya yang berkaitan dengan muzik tradisi dan seni persembahan etnik ini.

WARISAN BUDAYA TIDAK KETARA DAN GENERASI Z

Warisan budaya adalah cerminan jati diri dan simbol kepada masyarakat pengamalnya dan juga negara yang diduduki (Mohd Yuszaidy et al. 2011). Warisan budaya juga adalah ekspresi cara hidup yang dibangun oleh sesuatu komuniti dan diwarisi dari satu generasi ke generasi (Nor Azan et al. 2016). Warisan budaya di Malaysia terbahagi kepada warisan budaya ketara dan warisan budaya tidak ketara. Dalam Akta Warisan Kebangsaan, 2005 (Akta 645) yang dinaungi oleh Jabatan Warisan Negara, kerajaan Malaysia komited melindungi warisan budaya tidak ketara sesuai dengan matlamat untuk memelihara, memelihara dan mengekalkan warisan negara melalui kaedah dokumentasi, kajian penyelidikan dan pengembangan ilmu. Bagi merealisasikan usaha ini empat cawangan yang berkaitan dengan kegiatan budaya telah ditubuhkan iaitu adat dan budaya, seni dan persembahan, bahasa dan persuratan serta seni halus dan kraf (<https://www.heritage.gov.my>) untuk kelestarian warisan budaya tidak ketara (*intangible heritage*) daripada terus terancam dan pupus. Warisan budaya tidak ketara boleh didefinisikan sebagai kegiatan budaya yang terhasil daripada idea dan ciptaan manusia untuk mengisi kehidupan mereka dan kegiatan budaya ini boleh diwariskan dari satu generasi kepada satu generasi. Dengan kata lain, warisan budaya tidak ketara seperti tradisi lisan, seni persembahan, seni muzik, seni mempertahankan diri, nyanyian ini boleh dipelajari daripada pakar yang berpengalaman dan mempunyai pengetahuan dalam kegiatan budaya tersebut dalam usaha pelestarian budaya tidak ketara (Mohd Yuszaidy 2018).

Muzik tradisi dan seni persembahan adalah satu bentuk kegiatan budaya dan warisan budaya tidak ketara yang dimiliki oleh setiap anggota masyarakat yang diwarisi secara turun temurun. Di negeri Sabah, kepelbagaian etnik telah menjadi sumber kekayaan warisan budaya yang menjadi simbol dan identiti setiap etnik yang menghuni negeri tersebut. Kekayaan budaya ini diamalkan oleh para pendukungnya dan menjadi amalan yang diwarisi turun temurun. Warisan budaya tidak ketara yang berkaitan dengan muzik tradisi dan seni persembahan yang dimiliki oleh etnik Sama-Bajau di kawasan Pantai Barat Sabah seperti Kota Belud dan Tuaran amat signifikan dalam kehidupan etnik Sama-Bajau. Mereka memiliki warisan budaya tidak ketara seperti muzik *betitik* (bertitik), *nget biula*

(menggesek biola), tarian *runsai*, tarian *limbai* dan nyanyian *kalang*, syair, *isun-isun* dan *bua bua*. Etnik Sama-Bajau dan Bajau Samah merupakan istilah yang digunakan untuk merujuk kepada kelompok etnik di kawasan Pantai Barat Sabah yang menetap di Kota Belud, Tuaran, Papar, Kota Kinabalu. Memetik pendapat Saidatul Nornis Mahali (2008: 60), istilah Sama kebiasaannya merujuk kepada kelompok sesama orang Bajau untuk merujuk kepada orang Bajau sedangkan istilah Bajau digunakan oleh individu yang bukan dalam kelompok orang Bajau. Selain itu, panggilan ini juga berasaskan kepada lokasi penempatan sehingga wujud panggilan Bajau Kota Belud, Bajau Tuaran, Bajau Papar dan Bajau Semporna.

Muzik *betitik* yang melibatkan alat muzik seperti gong, *kulintangan*, bebandil dan gendang merupakan nadi budaya yang mengikat komuniti etnik Sama-Bajau dengan akar budaya mereka dan selalunya acara ini dipersembahkan pada majlis perkahwinan dan aktiviti kebudayaan (Mohd Hassan et al. 2024). Persembahan *betitik* dalam majlis perkahwinan biasanya diikuti oleh persembahan tarian tradisi Sama-Bajau seperti *runsai*, *limbai* dan nyanyian *isun-isun* yang disertai dengan muzik biola (*nget biula*) dan dipersembahkan oleh etnik Sama-Bajau yang berkemahiran. Kebanyakan yang terlibat dalam aktiviti kebudayaan ini terdiri daripada golongan dewasa dan sudah berusia. Manakala tarian *limbai* pula sering dipersembahkan oleh golongan muda etnik Sama-Bajau semasa menyambut ketibaan pengantin lelaki yang diarak ke rumah pengantin perempuan dalam majlis perkahwinan.

Warisan budaya tidak ketara ini bagaimanapun terpaksa bersaing dengan muzik moden yang mudah diperoleh oleh generasi Z Sama-Bajau di internet sama ada dari *YouTube*, *Tik Tok*, *Instagram*, *Twitter* dan *Facebook*. Generasi Z sering dikaitkan dengan generasi yang celik teknologi kerana terdedah dengan teknologi sejak lahir lagi (Tapscott 2008). Generasi ini lahir antara tahun 1995 hingga tahun 2012 (Twenge 2023), 1997 hingga tahun 2012 (Torus 2025), 1998 hingga tahun 2009 (Tapscott 2008), 1995 hingga 2010 (Katz et al. 2022; Jamiah Manap et al. 2015). Di Malaysia, generasi Z merujuk kepada individu yang lahir antara tahun 1995 hingga tahun 2010 sebagaimana menurut Jamiah Manap et al. (2015). Perbezaan umur dalam pengelasan generasi Z menunjukkan perbezaan dalam kalangan pengkaji namun begitu jurang perbezaan tersebut tidak jauh berbeza. Gaidhani et al. (2019) menyebut generasi Z adalah generasi yang lahir dan dibesarkan dengan

teknologi, *digital-centric* sehinggakan teknologi telah menjadi identiti dan kehidupan mereka. Katz et al. (2022) mengatakan generasi Z ini adalah generasi yang terlalu bergantung kepada peranti digital untuk mendapatkan hiburan, berkomunikasi dan mendapatkan maklumat.

Peralihan generasi Z yang celik teknologi ini menyebabkan kegusaran dalam kalangan generasi sebelumnya. Hal ini demikian kerana pergantungan kepada teknologi dan media sosial untuk berhibur dan bersosial memberi impak besar kepada pengetahuan dan penerimaan mereka terhadap warisan budaya tidak ketara. Pengaruh globalisasi terhadap warisan budaya tidak ketara ini juga menyebabkan generasi Z Sama-Bajau lebih banyak menerima muzik luar sebagai hiburan kerana mudah diakses berbanding dengan akses kepada muzik tradisi dan seni persembahan seperti *betitik*, *nget biula*, *runsai*, *limbai* dan nyanyian *isun-isun*, *kalang*, *bua bua* dan syair yang jarang dipersembahkan kecuali ketika majlis perkahwinan atau majlis kebudayaan etnik. Perkara ini menjadi cabaran besar kepada generasi Z Sama-Bajau untuk mengetahui dan seterusnya melibatkan diri secara langsung dalam kegiatan budaya etnik mereka.

SOROTAN KAJIAN

Kajian tentang pengetahuan dan penerimaan generasi Z terhadap warisan budaya tidak ketara kurang mendapat tempat dalam kalangan pengkaji. Meskipun demikian, masih terdapat beberapa kajian berkaitan dengan topik berkenaan telah dilakukan. Antaranya, kajian yang dilakukan oleh Mohd Yuszaidy et al. (2017) yang meneliti penggunaan gajet dalam kalangan generasi Z. Kajian ini turut meneliti pengetahuan generasi Z mengenai warisan budaya ketara dan warisan budaya tidak ketara dalam penggunaan teknologi. Kajian menyimpulkan kehidupan generasi Z sememangnya bergantung penuh kepada teknologi dan penggunaan gajet. Mereka cenderung kepada pembelajaran secara maya kerana ia lebih menarik dan interaktif. Pengisian tentang warisan budaya secara digital sangat membantu generasi Z untuk mempelajari dan mengetahui warisan budaya ketara dan tidak ketara. Kajian ini turut menegaskan bahawa aplikasi secara digital sangat penting untuk diketengahkan seiring dengan kecanggihan teknologi kini. Pembelajaran secara maya dilihat mampu menyuntik minat generasi Z yang sentiasa mencari sumber rujukan daripada internet. Oleh itu, keperluan untuk

pembelajaran tentang warisan budaya perlu diusahakan dengan membina portal warisan budaya yang interaktif sifatnya dan bersesuaian dengan keperluan generasi Z yang kurang melibatkan diri secara langsung dengan kegiatan budaya.

Dikir barat di Kelantan turut mendapat perhatian Aizza Husna (2021) yang meneliti mengenai aspek penerimaan generasi Z terhadap muzik tradisi ini. Kurangnya pendedahan warisan budaya ini terhadap generasi Z di samping, pengaruh muzik moden yang telah mengambil alih muzik tradisi ini menyebabkan warisan seni ini hampir dilupakan. Walaupun begitu, didapati generasi Z masih mempunyai pengetahuan dan penerimaan yang tinggi terhadap dikir barat meskipun, pendedahan terhadap muzik moden begitu mendominasi kehidupan mereka. Para responden juga bersetuju bahawa dikir barat masih relevan untuk dipelajari dan diwarisi oleh generasi Z. Dengan demikian, usaha berterusan daripada penggiat seni sangat diperlukan agar kelestarian Dikir barat ini tetap terpelihara dan menjadi warisan budaya tidak ketara sejak berzaman di negeri Kelantan.

Pemeliharaan dan pemerksaan warisan budaya tidak ketara turut dilakukan oleh Liu Yuxiao & Khairul Azhar Mat Daud (2024). Mereka mengaplikasikan estetika visual yang menarik untuk meningkatkan pengiktirafan budaya, keaslian, dan penglibatan masyarakat terhadap penceritaan digital melalui media sosial. Mereka meneliti hubungan antara estetika visual dan tingkah laku promosi di media sosial yang dikonseptualisasikan sebagai penggunaan (*consumption*), sumbangan (*contribution*) dan penciptaan (*creation*) berdasarkan kepada kerangka Stimulus Organism-Response (S-O-R) serta model hierarki reflektif - formatif. Hasil kajian ini merumuskan bahawa pemeliharaan dan pemerksaan warisan budaya tidak ketara mampu ditingkatkan melalui interaksi pengguna dengan kandungan warisan budaya tidak ketara. Malah, mereka turut menyarankan agar kajian lanjutan yang melibatkan pengguna rentas budaya, elemen reka bentuk khusus budaya, serta kesan pengantara tambahan bagi memperdalam pengetahuan mengenai penglibatan visual dalam promosi warisan budaya digital dilakukan.

Nur Filzahruz Mohamad Sahi et al. (2025) pula menggunakan medium budaya popular yang memperkukuhkan identiti budaya masyarakat Negeri Sembilan, khususnya melalui pengungkapan Adat Perpatih dan warisan sejarah tempatan. Mereka memilih lagu WARIS, '*This is Pilah*'

untuk menganalisis dan menilai peranan muzik kontemporari sebagai saluran penyampaian nilai dan naratif identiti kolektif. Kajian ini berhasil menemukan falsafah dan identiti budaya masyarakat Negeri Sembilan yang tersirat di dalam lirik lagu berkenaan. Lagu ‘*This is Pilah*’ bukan sekadar produk hiburan tetapi berperanan juga sebagai wahana pendidikan budaya yang menyatukan elemen sejarah, agama dan adat dalam bentuk seni moden. Budaya popular melalui muzik seperti ini terbukti mampu menjadi medium efektif untuk memelihara warisan dan menyemai jati diri dalam masyarakat kontemporari khusus terhadap generasi Z yang lebih tertarik dengan peneguhan jati diri melalui elemen warisan budaya tidak ketara.

Salah satu warisan budaya tidak ketara etnik Sama-Bajau yang sering diketengahkan ialah Pertandingan Ratu Serimpak yang diadakan setiap tahun. Dalam pertandingan ini, ditampilkan warisan busana tradisi yang menjadi simbol budaya dan tradisi etnik ini yang, sekaligus memperlihatkan keunikan daripada aspek reka bentuk dan warna. Kajian yang dilaksanakan oleh Rosmah Derak et al. (2025) itu diusahakan untuk mewajarkan ratu serimpak sebagai simbol budaya dan jati diri etnik Sama-Bajau di Sabah. Kajian ini merumuskan bahawa pertandingan ini merupakan usaha penting untuk memartabatkan busana etnik Sama-Bajau selain dapat memupuk kefahaman generasi muda etnik Sama-Bajau untuk mengenal dan mengetahui secara mendalam tentang warisan budaya mereka. Selain menjadi tarikan kepada pelancong dari dalam dan luar Sabah, pertandingan ini turut menjadi medium untuk memperkasakan pengetahuan warisan budaya ketara dan tidak ketara milik etnik ini.

Kebanyakan kajian terhadap etnik Sama-Bajau sebelum ini lebih tertumpu kepada pelbagai aspek antaranya, pembangunan nilai perubahan sosial dalam masyarakat Bajau (Yap 1990; 1993; 1997), urbanisasi, perubahan dan pembangunan stratifikasi sosial etnik Bajau (Gusni 2005; 2008; 2003). Penelitian tentang etnik Sama-Bajau juga mencakupi latar sejarah masyarakat Sama-Bajau (Saidatul Nornis Mahali 2012; Halina Sendera Mohd Yakin 2018), Adat kematian serta pandangan hidup dan kosmologi Bajau (Saidatul Nornis Mahali 2012; Halina Sendera Mohd Yakin 2013a), bahasa etnik Bajau (Saidatul Nornis Mahali 1999), sistem sosial masyarakat Sama-Bajau sama ada dalam aspek kepimpinan dan ekonomi (Saidatul Nornis Mahali 2012) serta sistem budaya yang mencakupi budaya

tradisi berbentuk benda dan budaya tradisi bukan benda atau juga dikenali sebagai warisan budaya ketara dan warisan budaya tidak ketara (Saidatul Nornis Mahali 2012; Halina Sendera Mohd Yakin 2013b, 2008; Dayang Nadia & Humin Jusilin 2017).

Meskipun demikian, masih terdapat beberapa kajian berkait dengan warisan budaya tidak ketara seperti seni kraf, tradisi lisan, muzik dan persembahan telah diteliti oleh beberapa pengkaji antaranya ialah simbol *tudung duang* (Halina Sendera 2008), tradisi makan sirih (Dayang Nadia & Humin Jusilin 2017), *runsai* etnik Sama-Bajau yang menggabungkan elemen nyanyi-tari tradisi etnik Sama-Bajau (Hanafiah Diman 1991), tarian igal-igal (Norshahira Abdul Said & Leng Poh Gee 2024), *isun-isun* dan syair sebagai warisan budaya Bajau Kota Belud (Saidatul Nornis Mahali 2006, 2015), persembahan *ngalai*/berasik yang menjadi ritual penyembuhan etnik Sama-Bajau (Lena Farida & Mohd Kipli 2017), aktiviti kebudayaan ratu serimpak sebagai simbol pengenalan identiti dan jati diri etnik Sama-Bajau (Rosmah Derak et al. 2025), sambulayang (Halina Sendera Mohd Yakin & Saidatul Nornis Mahali 2021), lepa (Nadhirah Maulan et al. 2022) dan warisan budaya tidak ketara dalam etnik Ubian (Zulayti Zakaria et al. 2023). Walau bagaimanapun, kajian-kajian berkenaan lebih kepada kajian kontekstual terhadap etnik Sama-Bajau sama ada yang berkaitan dengan aspek sejarah, politik, budaya, ekonomi serta sosial untuk tujuan pendokumentasian. Selain itu, terdapat juga usaha untuk memelihara warisan budaya tidak ketara etnik Sama-Bajau yang boleh dilihat melalui penyesuaian dan pengamalan berterusan terhadap budaya melalui inisiatif komuniti Sama-Bajau seperti penganjuran Festival Kebudayaan Rumpun Bajau Samah. Antaranya ialah pertandingan ratu serimpak yang dilihat berupaya untuk memperkenalkan aspek-aspek budaya seperti pakaian, pelamin, kraftangan *tudung duang*, muzik *betitik*, cara hidup etnik Sama-Bajau dan penggunaan bahasa Sama-Bajau dalam kalangan generasi Z etnik ini.

Sungguhpun banyak kajian tentang etnik Sama-Bajau yang dilakukan oleh para penyelidik daripada pelbagai perspektif namun, kajian terhadap penerimaan generasi muda ataupun generasi Z terhadap warisan budaya tidak ketara etnik Sama-Bajau hampir tidak ditemukan. Pengkaji-pengkaji sebelum ini lebih banyak mengkaji tentang aspek sejarah, budaya, politik, ekonomi dan sosial etnik Sama-Bajau sehinggalah penerusan terhadap peralihan generasi Sama-Bajau kurang disedari

dan diberi tumpuan terutama untuk mengkaji sejauh mana generasi Z Sama-Bajau mengetahui, menerima dan mengamalkan warisan budaya tidak ketara milik mereka. Oleh itu, kajian ini begitu signifikan dan sejajar dengan perkembangan semasa kerana cabaran besar untuk mengekalkan warisan budaya tidak ketara dalam kalangan generasi Z adalah persaingan dengan budaya popular yang banyak mengalihkan perhatian mereka. Secara keseluruhan, kajian-kajian lepas menunjukkan generasi Z mempunyai akses teknologi yang tinggi untuk mempelajari sama ada warisan budaya ketara mahupun budaya tidak ketara namun, penglibatan mereka secara langsung dalam amalan budaya masih kurang didokumentasikan terutamanya bagi etnik Sama-Bajau di Sabah. Walaupun terdapat pelbagai kajian kontekstual tentang sejarah, amalan budaya dan identiti etnik Sama-Bajau namun, kajian yang menyentuh dimensi kesedaran, penerimaan dan pengetahuan warisan budaya dalam kalangan generasi Z masih belum diberikan perhatian secara mendalam. Jurang inilah yang menjadi asas keperluan kajian ini.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk tinjauan deskriptif bagi mengukur tahap pengetahuan dan penerimaan generasi Z etnik Sama-Bajau terhadap warisan budaya tidak ketara secara sistematik. Reka bentuk tinjauan deskriptif ini membolehkan penyelidik mengenal pasti pola kecenderungan responden tanpa memanipulasi sebarang pemboleh ubah, serta membuat perbandingan tahap antara dua konstruk yang dikaji. Populasi kajian terdiri daripada generasi Z Sama-Bajau di Kota Belud dan Tuaran, Sabah kerana golongan ini berada pada fasa penting pembentukan identiti budaya serta berperanan sebagai pewaris utama warisan budaya. Pemilihan responden dibuat di kedua-dua lokasi kajian memandangkan Kota Belud dan Tuaran didominasi oleh etnik Sama-Bajau yang mana rata-rata penduduk di kawasan tersebut masih lagi mengekalkan budaya dan tradisi Sama-Bajau. Kaedah persampelan rawak mudah digunakan bagi memastikan setiap individu dalam populasi di daerah Kota Belud dan Tuaran mempunyai peluang sama rata untuk dipilih sebagai responden. Pemilihan sampel dijalankan melalui penyediaan senarai Generasi Z Sama-Bajau (lahir 1995–2010) di kedua-dua daerah dengan kerjasama Jawatankuasa Komuniti, sebelum responden

dipilih menggunakan penjana nombor rawak serta diganti sekiranya tidak dapat dihubungi. Melalui prosedur ini, seramai 205 responden berjaya dipilih dan dianggap mewakili populasi sasaran secara mencukupi untuk analisis statistik.

Instrumen kajian terdiri daripada soal selidik berstruktur yang mengukur dua konstruk utama iaitu tahap pengetahuan (8 item) dan tahap penerimaan (10 item) terhadap warisan budaya tidak ketara menggunakan skala Likert lima mata (1 = sangat tidak setuju hingga 5 = sangat setuju). Pembinaan item adalah berasaskan kajian lepas mengenai generasi muda dan warisan budaya tidak ketara (Mohd Yuszaidy et al. 2017; Aizza Husna 2021; Lanny et al. 2021), kerangka sikap dan penerimaan dalam Teori Tingkah Laku Terancang oleh Ajzen (1991) serta definisi dan konsep warisan budaya tidak ketara menurut Akta Warisan Kebangsaan 2005 dan Mohd Yuszaidy (2018), di mana item pengetahuan menilai pemahaman konsep, elemen seni persembahan dan instrumen muzik tradisional, manakala item penerimaan menilai dimensi emosi, sikap dan kesediaan penglibatan generasi muda. Kesahan kandungan disahkan oleh tiga pakar budaya dan pendidikan, manakala kajian rintis terhadap 50 responden menunjukkan nilai Cronbach's Alpha melebihi 0.85, seterusnya beberapa pengubahsuaian kecil dibuat seperti pemudahan bahasa dan penstrukturan semula urutan item tanpa menggugurkan sebarang pernyataan.

Data yang dikumpulkan dianalisis menggunakan perisian IBM SPSS Statistics versi 27 melalui analisis deskriptif yang melibatkan min, sisihan piawai, kekerapan dan peratusan bagi menerangkan taburan skor responden, manakala interpretasi tahap min dibuat berdasarkan julat yang dicadangkan oleh Alias Baba (1999) iaitu 4.21–5.00 (sangat tinggi), 3.41–4.20 (tinggi), 2.61–3.40 (sederhana), 1.81–2.60 (rendah) dan 1.00–1.80 (sangat rendah). Selain itu, ujian-t sampel berpasangan (*paired samples t-test*) turut dijalankan bagi menentukan sama ada wujud perbezaan min yang signifikan secara statistik ($p < 0.05$) antara tahap pengetahuan dan tahap penerimaan, sekali gus mengukuhkan dapatan serta menjelaskan hubungan kedua-dua konstruk dalam konteks penghayatan Generasi Z Sama-Bajau terhadap warisan budaya tidak ketara.

RESPONDEN KAJIAN

Kajian ini melibatkan seramai 205 orang responden Generasi Z etnik Sama-Bajau yang terdiri

daripada 88 orang lelaki (42.9%) dan 117 orang perempuan (57.1%). Dari aspek umur, responden dibahagikan kepada lima kategori iaitu 12–14 tahun seramai 18 orang (8.8%), 15–17 tahun seramai 28 orang (13.7%), 18–20 tahun seramai 96 orang (46.8%), 21–23 tahun seramai 43 orang (21.0%), serta 24–26 tahun seramai 20 orang (9.8%). Taburan ini membolehkan kajian menilai perbezaan tahap pengetahuan dan penerimaan berdasarkan peringkat usia yang berbeza, khususnya dalam kalangan remaja dan belia awal yang berada pada fasa penting pembentukan identiti budaya. Dari sudut tahap pendidikan terkini, responden meliputi empat kategori utama iaitu sekolah rendah seramai 12 orang (5.9%), sekolah menengah seramai 65 orang (31.7%), STPM/diploma seramai 62

orang (30.2%), dan universiti seramai 66 orang (32.2%). Kepelbagaian latar belakang pendidikan ini memberikan gambaran komprehensif tentang bagaimana faktor akademik mempengaruhi tahap kesedaran dan penerimaan budaya. Selain itu, penglibatan responden daripada dua lokasi utama kajian iaitu Kota Belud seramai 112 orang (54.6%) dan Tuaran seramai 93 orang (45.4%) turut memperkukuh representasi data kerana kedua-dua daerah tersebut merupakan pusat penempatan komuniti Sama-Bajau yang aktif mengekalkan tradisi budaya. Secara keseluruhan, taburan demografi ini memastikan dapatan kajian lebih sahih dan mencerminkan realiti generasi muda Sama-Bajau sebagai pewaris utama warisan budaya tidak ketara.

Profil Demografi	Kategori	Kekerapan (n)	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	88	42.9
	Perempuan	117	57.1
Umur	12–14 tahun	18	8.8
	15–17 tahun	28	13.7
	18–20 tahun	96	46.8
	21–23 tahun	43	21.0
	24–26 tahun	20	9.8
Tahap Pendidikan	Sekolah Rendah	12	5.9
	Sekolah Menengah	65	31.7
	STPM/Diploma	62	30.2
	Universiti	66	32.2
Lokasi	Kota Belud	112	54.6
	Tuaran	93	45.4

DAPATAN KAJIAN

TAHAP PENGETAHUAN GENERASI Z SAMA-BAJAU TERHADAP WARISAN BUDAYA TIDAK KETARA

Melalui kaji selidik yang telah dilaksanakan terhadap kelompok generasi Z Sama-Bajau di daerah Kota Belud dan Tenghilan, Sabah khususnya mengenai pengetahuan terhadap muzik tradisi dan seni persembahan tradisi maka, penyajian data

memaparkan dua jadual, iaitu (i) tahap pengetahuan terhadap warisan budaya tidak ketara, dan (ii) tahap penerimaan terhadap warisan budaya tidak ketara Sama-Bajau. Kedua-dua jadual memaparkan jumlah min dan sisihan piawai terhadap kedua-dua tahap pengetahuan dan penerimaan warisan budaya tidak ketara dalam kalangan etnik Sama-Bajau. Secara keseluruhan dapatan bagi item 1–8 yang ditunjukkan dalam Jadual 1 memperlihatkan kedua-dua konstruk berada pada tahap sederhana hingga tinggi.

JADUAL 1. Tahap Pengetahuan terhadap Warisan Budaya Tidak Ketara Sama-Bajau

Bil	Item	Min	Sisihan Piawai	Tahap
1	Saya tahu maksud warisan budaya tidak ketara etnik Sama-Bajau	3.40	1.10	Sederhana
2	Saya tahu bahawa warisan budaya tidak ketara etnik Sama-Bajau itu perlu dijaga	4.12	1.02	Tinggi
3	Saya berminat untuk mengetahui warisan budaya tidak ketara etnik Sama-Bajau	4.10	0.91	Tinggi
4	Saya tahu gerak asas tarian tradisional etnik Sama-Bajau	3.40	1.21	Sederhana
5	Saya tahu tarian manuk-manuk lambuka itu warisan budaya Sama-Bajau	4.14	1.07	Tinggi
6	Saya tahu rentak nyanyian tradisional etnik Sama-Bajau	3.52	1.12	Tinggi
7	Saya tahu peralatan muzik tradisional etnik Sama-Bajau	3.58	1.16	Tinggi
8	Saya boleh bezakan budaya tidak ketara etnik Sama-Bajau dengan etnik lain	3.76	1.16	Tinggi

Hasil analisis mendapati min tertinggi adalah 4.14 yang membuktikan bahawa generasi Z Sama-Bajau mengenali dan mengetahui pelbagai jenis nyanyi-tari dalam budaya mereka. Misalnya, nyanyi-tari *igal-igal* (Norshahira Abdul Said & Leng Poh Gee 2024), tarian *runsai* (Hanafiah Diman 1991) dan *manuk-manuk lambukan* sebagai suatu warisan budaya tidak ketara. Hal sedemikian sangatlah tidak menghairankan kerana nyanyi-tari berkenaan telahpun dijadikan sebagai salah satu aktiviti yang ditarikan sama ada semasa majlis keramaian, aktiviti santai dan dalam majlis perkahwinan malah, nyanyi-tari itu juga telah dipopularkan oleh media massa yang menjadikannya suatu warisan nyanyian yang mendapat tempat dalam kalangan masyarakat Sama-Bajau serta dalam kalangan anggota masyarakat etnik lain di Sabah. Perkara berkenaan mendatangkan dampak positif terhadap warisan budaya Sama-Bajau kerana ia berupaya untuk menimbulkan rasa bangga dan pengukuhan identiti Sama-Bajau menerusi nyanyi-tari berkenaan. Nyanyi-tari *manuk-manuk lambukan* misalnya turut dijadikan sebagai bahan tarikan pelancongan di Sabah kerana alunan muziknya yang rancak ditambah pula dengan penggunaan pakaian tradisi yang berwarna-warni. Sebagaimana pernyataan Eka Emilia (2023) dan Siti Norlizaiha (2019) yang menegaskan bahawa warisan budaya itu mempunyai nilai, falsafah, makna milik nenek moyang sesebuah masyarakat yang wajib dipelihara dan dikembangkan oleh pewarisnya.

Dapatan seterusnya dengan min berjumlah 4.12 dan 4.10 yang mendukung soalan tentang peranan untuk menjaga dan minat untuk mengetahui mengenai warisan budaya tidak ketara. Kedua-dua soalan itu turut membuktikan bahawa generasi Z

Sama-Bajau itu sememangnya sedia tahu bahawa menjadi tugas mereka untuk melestarikan semua warisan budaya malah mereka juga sedar bahawa mereka perlu memupuk minat untuk mengetahui lebih lanjut mengenai warisan budaya milik nenek moyang. Elemen-elemen warisan budaya sememangnya patut mendapat tempat istimewa pendukungnya kerana ia memiliki elemen dan nilai ekspresif tradisi serta menyimpan pelbagai kearifan anggotanya. Hal sama telah lama ditegaskan oleh Wan Abdul Kadir (2007) yang menjelaskan bahawa sesebuah kumpulan masyarakat akan rugi sekiranya melepaskan budaya tradisi kerana mementingkan budaya popular kerana di dalam budaya tradisi itu tersimpan makna dan pengertian paling dalam tentang pendukungnya.

Selanjutnya, paparan min 3.76; 3.58; dan 3.52 yang memperlihatkan bahawa generasi Z Sama-Bajau mampu membezakan budaya tidak ketara etnik Sama-Bajau dengan etnik lain; mengetahui peralatan muzik tradisional; serta mengetahui rentak nyanyian tradisional. Keupayaan mereka membezakan setiap kategori berkenaan membuktikan bahawa pada abad ini generasi Z Sama-Bajau masih peka dan prihatin dengan budaya tidak ketara yang telah mereka warisi sejak berzaman lamanya, meskipun mereka turut disajikan dengan budaya popular. Dengan maksud lain, mereka masih mempertahankan minat dan pengetahuan mengenai warisan budaya tidak ketara walaupun mereka turut terdedah kepada budaya popular. Hal sedemikian selayaknya perlu berlaku kerana generasi lama Sama-Bajau tidak akan mampu untuk menghalang masuknya budaya popular dan budaya ekspresif lain ke dalam budaya Sama-Bajau. Namun begitu, mereka masih boleh menyelaraskan dan menyuaipadankan semula dengan

menanam minat generasi Z Sama-Bajau terhadap warisan budaya tidak ketara dalam yang konteks berbeza. Penggabungjalinan budaya tradisi dengan budaya popular dapat membentuk budaya warisan dengan selitan unsur-unsur ekspresif yang menarik walaupun sedia dimaklumi bahawa budaya tradisi tidak mampu bersaing dengan budaya popular.

Dengan min 3.40 bagi dua soalan, iaitu mengetahui maksud warisan budaya tidak ketara; dan mengetahui gerak asas tarian tradisional menjadikan analisis soalan berkenaan dengan jumlah sederhana tinggi menunjukkan bahawa pengetahuan serta kemahiran generasi Z Sama-Bajau semakin memudar. Generasi Z Sama-Bajau sedar bahawa mereka perlu mengenal pasti bentuk dan jenis warisan budaya tidak ketara sebagai suatu bentuk pengetahuan asas budaya masyarakat sekaligus, pengetahuan sedemikian mencerminkan jati diri mereka dan pengetahuan itu juga perlu diturunkan kepada generasi berikutnya. Demikian dengan kemahiran untuk melakukan gerak asas tarian tradisi yang menunjukkan kesederhanaan kemahiran dalam kalangan generasi muda Sama-Bajau. Mohamed et al. (2018) menjelaskan bahawa generasi muda biasanya lebih gemar dan tertarik kepada hiburan dengan seni Barat dan seni popular lain. Ia merupakan cabaran besar kepada tarian tradisi Sama-Bajau. Hal sama turut ditegaskan oleh Azizah Zain et al. (2023) yang menyatakan kesejagatan teknologi menyebabkan generasi muda lebih terpesona dengan sesuatu yang datang dari luar budaya masing-masing dan keadaan sedemikian menyebabkan peminggiran warisan tradisi sendiri. Walhal di dalam warisan tradisi seperti tarian itu tersembunyi ekspresi emosi, diri, interaksi tubuh, budaya sihat, proses sosialisasi yang membentuk pengalaman keseronokan kepada semua peserta tari yang secara tidak langsung turut meningkatkan motivasi mereka untuk lebih mengenali dan mengetahui budaya sendiri (Zitomer 2016; Harrith 2022; Melati 2022; Mohd et al. 2024). Oleh yang demikian, generasi lama Sama-Bajau perlu mengambil langkah untuk melestarikan kemahiran asas dan langkah tari kepada generasi Z Sama-Bajau agar tarian tradisi etnik ini tidak pupus.

Dapatan ini juga seiring dengan penegasan daripada Ni Putu Anggita et al. (2023) yang menyatakan bahawa generasi muda menghargai seni dan budaya bangsa namun, keterlibatan praktikal sering berkurangan akibat keterbatasan masa, akses, dan pengaruh daripada hiburan moden. Dalam konteks yang hampir serupa, Anastasia Aren Felix

& Hafzan Zannie Hamza (2024). membuktikan bahawa kesinambungan budaya hanya dapat dipastikan melalui penglibatan praktikal, latihan komuniti yang konsisten, dan pewarisan yang bersandarkan pengalaman. Sehubungan itu, jurang antara pengetahuan konseptual dan teknikal dalam kalangan generasi Z Sama-Bajau boleh memberi kesan terhadap kesinambungan budaya sekiranya tidak ditangani dengan segera. Faktor-faktor seperti modenasi, urbanisasi, dan perubahan gaya hidup turut dilihat membataskan peluang generasi muda untuk melibatkan diri dalam aktiviti budaya tradisional. Oleh itu, strategi pemeliharaan budaya perlu menekankan keseimbangan antara pemupukan kesedaran identiti dengan penglibatan praktikal agar budaya tidak sekadar menjadi simbol, tetapi terus hidup dalam amalan seharian mereka.

Cabaran pelestarian warisan budaya tidak ketara dalam kalangan generasi Z Sama-Bajau di Sabah bukan sahaja dipengaruhi oleh kurangnya pendedahan kepada kemahiran praktikal, tetapi juga oleh dominasi budaya popular dan kesan globalisasi yang pesat. Hal yang sama juga berlaku dalam kalangan generasi muda di Indonesia dalam pemeliharaan warisan budaya (Abrar et al. 2023). Generasi muda cenderung menganggap warisan tradisional sebagai sesuatu yang ketinggalan zaman apabila dibandingkan dengan hiburan dan seni Barat yang lebih moden dan menarik (Mas'ud 2019; Lanny et al. 2021). Persepsi ini, seperti yang diungkapkan oleh Mas'ud, menjadikan muzik tradisional sukar mendapat tempat di hati pendengar muda (Mas'ud 2019). Walau bagaimanapun, perkembangan teknologi digital dan media sosial menawarkan peluang baharu yang signifikan untuk merapatkan jurang ini. Generasi Z yang mahir teknologi (Ni Luh et al. 2024) boleh menjadi agen penting dalam melestarikan budaya melalui platform digital, termasuk laman web, aplikasi mudah alih, permainan serius, blog, dan media sosial (Nor Hafidzah et al. 2024; Oktavia & Jumino 2021; Aditia, 2020). Penggunaan media sosial misalnya, terbukti dapat membantu dalam mempromosikan identiti tempatan dan memperkayakan pengetahuan budaya dalam kalangan komuniti (Botangen et al. 2017; Anggun & Arditya 2024). Oleh itu, strategi pemeliharaan budaya perlu menekankan penggunaan pendekatan inovatif yang mengintegrasikan teknologi untuk menjadikan warisan budaya lebih relevan, menarik, dan mudah diakses oleh generasi muda, di samping peranan aktif para pendidik dan komuniti dalam memperkenalkan dan mengajar elemen-elemen

budaya tradisional secara berkesan (Nor Hafidzah et al. 2024; Mas'ud 2019; Ni Luh et al. 2024). Ini akan memastikan warisan budaya tidak ketara Sama-Bajau tidak hanya bertahan sebagai simbol, tetapi terus dihayati dan berkembang dalam konteks kontemporari.

Secara keseluruhan, generasi Z etnik Sama-Bajau mempunyai pengetahuan terhadap pelbagai warisan budaya tidak ketara yang terdapat dalam masyarakat mereka. Namun begitu, mereka biasanya hanya menjadi penonton kepada semua aktiviti kesenian tersebut yang menyebabkan kebanyakan daripada mereka kurang berkemahiran untuk menarik atau menyanyikan warisan budaya tidak ketara. Ia dibuktikan dengan min sederhana 3.40 pada item 4 dalam Jadual 1. Seyogianya, wujud implikasi positif dan negatif terhadap warisan budaya tidak ketara masyarakat ini. Implikasi positif daripada kajian ini mengesahkan bahawa generasi Z etnik ini masih memiliki pengetahuan dan pemahaman terhadap warisan budaya tidak ketara. Dalam konteks sama, generasi Z ini masih berpeluang untuk mengembangkan bakat mereka melalui bengkel-bengkel kebudayaan yang mampu mendedahkan kepada mereka cara dan kaedah yang tepat untuk melestarikan dan mengembangkan warisan tradisi budaya tidak ketara. Walau bagaimanapun, masih terdapat implikasi negatif, yakni ketiadaan atau kekurangan ahli guru tarian dan nyanyian yang masih aktif melakukan aktiviti kesenian tradisi berkenaan.

Selain itu, generasi Z etnik ini turut dipengaruhi oleh masukan muzik dan tarian moden yang secara tidak langsung telah mengalihkan tumpuan mereka daripada warisan budaya tidak ketara. Oleh yang demikian, usaha pelestarian dan pengukuhan berterusan perlu dilakukan oleh generasi yang lebih awal untuk memastikan agar warisan budaya tidak ketara ini mampu menongkang arus zaman.

TAHAP PENERIMAAN GENERASI Z SAMA-BAJAU TERHADAP WARISAN BUDAYA TIDAK KETARA

Warisan tradisi budaya tidak ketara sesebuah masyarakat merangkumi pelbagai aspek yang rencam. Kepelbagaian itu menyedarkan kita bahawa warisan budaya itu dinamik sifatnya khusus dalam konteks kesejagatan dunia hari ini. Warisan tradisi budaya tidak ketara turut berubah dan dipersepsi secara berbeza oleh generasi muda. Dalam konteks ini, perlu juga diketahui tahap penerimaan generasi Z Sama-Bajau terhadap warisan tradisi budaya tidak ketara yang mereka warisi, yakni sama ada ia kekal relevan dengan pemodenan dan cabarannya atau sebaliknya. Untuk mengetahui tahap penerimaan generasi Z ini maka diperlukan satu nilai yang dapat dijadikan medium pengukur bagi konteks penerimaan mereka. Paparan nilai ukuran penerimaan itu dapat diteliti menerusi Jadual 2 di bawah ini.

JADUAL 2. Tahap Penerimaan terhadap Warisan Budaya Tidak Ketara Sama-Bajau

Bil	Item	Min	Sisihan Piawai	Tahap
1	Saya berminat menghadiri pertandingan <i>betitik</i> etnik Sama-Bajau	3.38	1.18	Sederhana
2	Saya suka mendengar muzik tradisional (<i>betitik</i> dan <i>nget biula</i>) etnik Sama-Bajau	3.84	1.11	Tinggi
3	Saya suka dengan persembahan (nyanyian dan tarian) budaya etnik Sama-Bajau	4.08	0.98	Tinggi
4	Saya mempunyai minat terhadap seni persembahan budaya etnik Sama-Bajau	3.76	1.13	Tinggi
5	Saya setuju warisan budaya tidak ketara etnik Sama-Bajau adalah sesuai diteruskan	4.25	0.97	Tinggi
6	Saya berbangga dengan warisan budaya tidak ketara etnik Sama-Bajau	4.28	0.95	Tinggi
7	Saya sedih warisan budaya tidak ketara etnik Sama-Bajau tidak lagi diketahui oleh generasi muda	4.23	0.94	Tinggi
8	Saya yakin kefahaman tentang kebudayaan Sama-Bajau mampu mengukuhkan jati diri	3.38	1.18	Sederhana
9	Saya tidak menghadapi sebarang masalah untuk menyertai aktiviti kebudayaan etnik Sama-Bajau	3.84	1.11	Tinggi
10	Saya tidak menghadapi sebarang masalah untuk melakukan aktiviti kebudayaan etnik Sama-Bajau	4.08	0.98	Tinggi

Jadual 2 memaparkan tahap penerimaan generasi Z Sama-Bajau berada pada kategori tinggi secara konsisten, sekaligus memperlihatkan keterikatan emosi yang mendalam terhadap warisan budaya tidak ketara mereka. Terdapat 10 item dalam Jadual 2 yang memperlihatkan item dengan skor tertinggi adalah rasa bangga terhadap warisan budaya tidak ketara ($M=4.28$), persetujuan bahawa budaya tidak ketara wajar diteruskan ($M=4.25$), serta rasa sedih jika budaya semakin dilupakan ($M=4.23$). Dapatan ini menegaskan bahawa generasi Z etnik ini masih memiliki kebanggaan budaya (*cultural pride*) yang berfungsi sebagai asas penting dalam memperkukuh jati diri dan kesinambungan identiti komuniti mereka. Sebagaimana pernyataan Mohamad et al. (2024) yang menegaskan bahawa identiti dan keunikan setiap kumpulan etnik di Malaysia ditentukan antaranya oleh semua seni dan adat budaya. Andai ia lenyap maka ia akan memberi dampak negatif kepada identiti bangsa Malaysia dalam jangka panjang.

Generasi Z Sama-Bajau tidak menonjolkan sebarang isu untuk terlibat dalam aktiviti kebudayaan ($M=3.84$; $M=4.08$). Situasi sama diperlihatkan untuk konteks seni persembahan, yang

memaparkan mereka suka dan berminat dengan seni persembahan etnik Sama-Bajau ($M=4.08$; $M=3.76$). Walau bagaimanapun, penglibatan secara praktikal generasi Z Sama-Bajau masih kurang menyerlah. Minat untuk menghadiri pertandingan *betitik* berada pada tahap sederhana ($M=3.38$), manakala kesediaan mereka untuk menyertai aktiviti kebudayaan berada pada tahap tinggi tetapi menghampiri sederhana ($M=3.84$). Pola ini mencerminkan satu jurang yang signifikan antara penghargaan emosi dengan pengamalan praktikal terhadap warisan budaya. Seperti yang dijelaskan oleh Murnihati Sarumaha et al. (2024), generasi muda cenderung menghargai budaya secara emosi tetapi tidak semestinya aktif melibatkan diri dalam pengamalan kerana kekangan masa, ruang, serta persaingan dengan budaya popular dan hiburan moden. Situasi ini menjadikan warisan budaya tempatan sering dianggap kurang menarik berbanding trend global, sekaligus menjejaskan minat generasi muda untuk terlibat dalam aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan budaya.

Min dan sisihan piawai di dalam Jadual 2 di atas dapat dirumuskan berasaskan tema-tema dalam Jadual 3 di bawah.

JADUAL 3. Tahap Penerimaan Generasi Z etnik Sama-Bajau berasaskan Tema

Bil	Tema	Item	Corak dapatan
1	Suka dan minat muzik dan persembahan	2,3,4	Tinggi ($M=3.76 - 4.08$)
2	Pengukuhan jati diri-identiti	5,6,7	Tinggi ($M=4.23 - 4.28$)
3	Penglibatan secara praktikal	1,9,10	Sederhana → Tinggi ($M=3.38 - 4.08$)

Generasi Z etnik ini membuktikan penegasan mereka terhadap keperluan menjaga dan mengukuhkan identiti melalui warisan tradisi budaya tidak ketara, yakni dengan min tertinggi 4.28. Setiap tema yang dibuktikan melalui corak dapatan itu menunjukkan kesejajaran dan keseimbangan penerimaan generasi Z. Hal itu memperlihatkan emosi mereka masih terikat dengan warisan tradisi milik nenek-moyang Sama-Bajau yang telah diwariskan berzaman lamanya serta, mereka perlu mempertahankan dan memelihara tradisi berkenaan. Hal itu selari dengan pandangan Rosmah Derak et al. (2025) yang turut menggesa bahawa aktiviti warisan budaya tidak ketara itu merupakan suatu proses penerokaan kebudayaan Sama-Bajau yang bernas untuk diwajarkan semula dalam usaha merangsang kesedaran generasi Z untuk meneruskan warisan budaya serta melestarikan budaya Sama-Bajau dalam konteks besar keragaman budaya etnik di Sabah. Fenomena itu juga sejajar dengan pernyataan

Muhamad Fauzi et al. (2024) yang menegaskan bahawa walaupun generasi Z mempunyai peranan besar dalam mempertahankan budaya tempatan, cabaran utama mereka ialah mengimbangi rasa kebanggaan dengan keterlibatan nyata dalam warisan budaya mereka.

Rasa bangga yang tinggi boleh dianggap sebagai modal budaya awal tetapi, tanpa sokongan daripada pendidikan budaya, platform komuniti, dan ruang penglibatan yang luas, ia berisiko kekal sebagai simbol semata-mata tanpa penghayatan praktikal daripada generasi Z (Zulayti et al. 2023). Ini menunjukkan bahawa dimensi afektif (bangga dan setuju untuk melestarikan budaya) belum sepenuhnya diterjemahkan ke dalam dimensi tindakan (penglibatan praktikal). Sekiranya jurang itu berterusan maka, masyarakat ini berisiko mewariskan warisan budaya dalam bentuk yang simbolik sahaja tanpa kesinambungan amalan sebenar. Oleh itu, wujud keperluan merangka

strategi untuk melestari dan memperkukuhkan warisan tradisi budaya tidak ketara dalam konteks moden dan interaktif yang dapat diterima baik oleh generasi Z etnik Sama-Bajau.

PERBANDINGAN ANTARA PENGETAHUAN DAN PENERIMAAN

Pengetahuan dan penerimaan terhadap warisan tradisi budaya tidak ketara memperlihatkan jurang yang signifikan. Tahap penerimaan dari segi emosi dan sikap didapati lebih tinggi berbanding pengetahuan kognitif. Ini bermaksud, generasi muda mempunyai kebanggaan budaya yang kuat namun, penguasaan mereka terhadap aspek teknikal dan praktikal budaya masih terbatas. Sepertimana yang diterangkan oleh Anastasia Aren Felix & Hafzan Zannie Hamza (2024) bahawa warisan budaya tidak ketara terganggu dan tidak akan mampu bertahan sekiranya hanya dihargai sebagai simbol identiti tanpa diamalkan secara konsisten melalui latihan dan penglibatan praktikal di peringkat komuniti.

Jurang ini memperlihatkan pertembungan antara kebanggaan budaya dengan kecekapan budaya. Generasi Z Sama-Bajau jelas bangga sebagai pewaris budaya namun, mereka kekurangan pengalaman langsung yang menjadikan penghayatan budaya tersebut rapuh dan cenderung terhenti pada tahap simbolik semata-mata. Keadaan ini sejajar dengan penegasan Halina Sendera Mohd Yakin (2018) bahawa warisan budaya tidak boleh sekadar menjadi lambang luaran sebaliknya, ia mesti diperkukuhkan melalui pengamalan berterusan dalam kehidupan bermasyarakat. Tanpa dimensi praktikal, warisan budaya berisiko menjadi representasi pasif yang mudah terhakis oleh arus globalisasi dan modenasi. Saidatul Nornis Mahali (2020) pula menjelaskan bahawa semua kegiatan budaya yang dilaksanakan oleh ahlinya merupakan suatu strategi yang diusahakan untuk melalui kehidupan serta memenuhi keperluan hidup. Oleh yang demikian, masyarakat Sama-Bajau perlu menilai semula semua aktiviti warisan budaya sebagai suatu aktiviti yang boleh dimanfaatkan sepenuhnya oleh generasi Z bersekali dengan kemajuan teknologi agar modal sosialnya, yakni ahli-ahli muda masyarakat Sama-Bajau lebih tertarik untuk mengembangkan warisan budaya tidak ketara dalam bentuk yang digital yang secara tidak langsung dapat didokumenkan secara atas talian. Dari sudut teori pula, dapatan ini mendukung Teori Tingkah Laku Terancang oleh Ajzen (1991) yang menegaskan bahawa sikap positif dan keterikatan emosi berperanan membentuk niat

tingkah laku, namun pelaksanaan sebenar hanya berlaku apabila individu memiliki pengetahuan serta kemahiran yang mencukupi. Oleh itu, rasa bangga yang tinggi dalam kalangan generasi Z Sama-Bajau harus dilihat sebagai aset budaya penting yang perlu digerakkan ke arah penglibatan praktikal melalui pendidikan budaya yang menyeluruh, berasaskan pengalaman dan disokong oleh program komuniti yang interaktif.

Implikasinya, usaha pewarisan budaya etnik Sama-Bajau mesti digerakkan dengan pendekatan yang seimbang antara dimensi ilmu, emosi, dan amalan. Beberapa strategi boleh digubal untuk membolehkan kedua-dua tahap berkenaan digembleng dengan padu, iaitu pertama, pendidikan budaya berasaskan pengalaman. Pendidikan budaya perlu diperkaya dengan kaedah pengalaman langsung oleh generasi Z Sama-Bajau manakala, ruang penyertaan dalam aktiviti budaya wajar diperluas di peringkat komuniti setempat. Kesenambungan warisan budaya hanya akan terjamin apabila penghargaan, kebanggaan, dan pengamalan dapat bergerak dengan seiring sesuai dengan era globalisasi kini. Dengan strategi pemuliharaan yang inklusif dan berterusan daripada pihak komuniti, persatuan dan kerajaan, warisan budaya Sama-Bajau bukan sahaja mampu dipertahankan sebagai simbol identiti tetapi juga dapat dihidupkan secara lestari sebagai sebahagian daripada jati diri generasi yang akan datang.

Kedua, dokumentasi dan digitalisasi warisan. Bagi mengatasi jurang antara pengetahuan dan amalan serta memanfaatkan minat generasi Z dalam teknologi, pendekatan holistik yang melibatkan pelbagai pihak berkepentingan adalah kritikal. Ini termasuklah penilaian semula aktiviti warisan budaya tradisional agar ia tidak lagi dilihat sebagai peninggalan semata-mata tetapi, sebagai sumber daya yang relevan dan bermanfaat dalam kehidupan kontemporari. Seperti yang dijelaskan oleh Hu, Xue & Hou (2022), aktiviti budaya perlu dinilai semula sebagai strategi yang boleh dimanfaatkan sepenuhnya oleh generasi Z, seiring dengan kemajuan teknologi, untuk meningkatkan modal sosial mereka. Strategi ini memerlukan kolaborasi aktif antara ahli komuniti yang lebih tua, persatuan kebudayaan, dan agensi kerajaan untuk mereka bentuk semula program-program pendidikan dan aktiviti yang menggabungkan elemen tradisional dengan platform digital yang interaktif. Misalnya, penggunaan media sosial untuk pertandingan seni persembahan boleh menarik penyertaan generasi

Z secara meluas. Penggunaan teknologi seperti permainan berasaskan teknologi (*serious games*) dapat menarik minat generasi Z untuk terlibat secara langsung dalam warisan budaya tidak ketara (Nor Hafidzah et al. 2024; Oktavia & Jumino 2021; Aditia 2020). Dengan cara ini, warisan budaya dapat didokumentasikan secara digital, memastikan kesinambungannya, serta membina modal sosial dalam kalangan generasi muda, yakni bukan sekadar menjadi pengguna tetapi juga sebagai pencipta dan pewaris aktif budaya mereka. Usaha bersepadu ini akan mengukuhkan identiti budaya mereka dan memastikan warisan Sama-Bajau kekal dinamik dan lestari dalam era globalisasi.

Ketiga, penyertaan komuniti sebagai model latihan praktikal. Upaya pelestarian dan pemantapan warisan budaya tidak ketara perlu mengikutsertakan latihan praktikal. Berkait itu maka, para adi guru muzik-tari perlu diperbanyakkan jumlahnya. Dalam konteks sama juga bengkel-bengkel untuk melatih anggota komuniti khususnya generasi Z yang berminat untuk mengasah dan mengembangkan bakat mereka. Perkara itu disetujui oleh Azizah Zain et al. (2023), Anastasia Aren Felix & Hafzan Zannie Hamza (2024) dan Prescylla Anak Bagik & Nurulakmal Abdul Wahid (2024) yang menyatakan bahawa aspek persembahan memerlukan latihan dan praktik berterusan untuk memahirkannya diri peserta.

KESIMPULAN

Generasi Z Sama-Bajau adalah pewaris kepada warisan budaya tidak ketara yang diwarisi turun temurun. Mereka adalah generasi yang berupaya menjadi penghubung atau jambatan antara zaman moden dan tradisi serta mampu mengangkat warisan budaya ke tahap yang lebih tinggi sekiranya kesedaran untuk melestarikan budaya tidak ketara ini dipupuk lebih awal. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap pengetahuan dan penerimaan mereka terhadap warisan budaya tidak ketara khususnya yang berkaitan dengan muzik tradisi dan seni persembahan ini berada pada tahap sederhana hingga tinggi. Mereka memiliki pengetahuan tentang warisan budaya tidak ketara milik mereka dan berkebolehan membezakan warisan budaya tidak ketara etnik lain. Generasi Z Sama-Bajau juga sedar tentang peranan mereka sebagai pewaris budaya dan dapatan menunjukkan generasi ini berminat untuk mengetahui tentang warisan budaya tidak ketara yang mereka warisi. Tahap penerimaan terhadap warisan budaya tidak ketara pula menunjukkan

tahap tinggi secara konsisten yang memperlihatkan satu ikatan emosi yang mendalam terhadap warisan budaya tidak ketara etnik Sama-Bajau.

Perbandingan antara tahap pengetahuan dan tahap penerimaan generasi Z Sama-Bajau menunjukkan tahap penerimaan dari segi emosi dan sikap adalah lebih tinggi walaupun dari segi keterlibatan secara langsung dalam aktiviti kebudayaan etnik masih rendah dan terbatas. Generasi Z Sama-Bajau menunjukkan minat yang tinggi untuk mengetahui warisan budaya tidak ketara, serta merasa bangga dengan warisan budaya yang mereka miliki. Dapatan ini dapat dijadikan sebagai kayu ukur untuk generasi *boomers*, generasi X dan Y untuk menggalakkan penglibatan generasi Z Sama-Bajau dalam acara kebudayaan sama ada ketika majlis perkahwinan mahupun acara kebudayaan yang melibatkan persembahan kebudayaan etnik. Sokongan dan dorongan yang berterusan daripada komuniti terhadap penyertaan generasi ini dapat memberi suntikan semangat sekaligus dapat mengangkat dan memartabatkan warisan budaya tidak ketara yang semakin terhakis pada masa kini.

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan penghargaan kepada Universiti Malaysia Sabah (UMS) atas pembiayaan Geran Penyelidikan Dana Kluster (DKP), Kod Projek DKP0002 bertajuk “Penerimaan Generasi Z etnik Bajau Samah dalam Warisan Budaya Tak Ketara (Muzik Tradisi dan Seni Persembahan)”.

RUJUKAN

- Abrar Hiswara, Adit Mohammad Aziz & Yenik Pujowati. 2023. Cultural preservation in a globalized world: Strategies for sustaining heritage. *West Science Social and Humanities Studies* 1(3): 98–106.
- Aditia Permadi. 2020. Peranan generasi milenial dalam melestarikan budaya melalui informasi digital. *SSRN Electronic Journal*. <https://doi.org/10.2139/ssrn.3621870>
- Aizza Husna Mohd Azam. 2021. *Penerimaan warisan generasi Z terhadap seni warisan Dikir Barat di Kelantan*. Latihan Ilmiah. Universiti Utara Malaysia.
- Ajzen I. 1991. The theory of planned behavior. *Organizational Behavior and Human Decision Processes* 50(2): 179–211.
- Anastasia Aren Felix & Hafzan Zannie Hamza. 2024. Sebuah kajian kes pelestarian tarian Kanjet Lasan bagi masyarakat orang Kenyah di Kampung Long Moh, Baram, Sarawak. Dalam Lena Farida Hussain Chin, Hafzan Zannie Hamza, Muchammad Bayu Tejo Sampurno (ed.) *Kajian Kes dalam Seni Persembahan. Volume 1*. hlm. 35–43. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

- Anggun Anindya Sekarningrum & R. Arditya Mutwara. 2024. The role of digital media in maintaining Pakualaman culture: Documentation and community Engagement. *Interdisciplinary Journal of Communication* 9(2): 261–280.
- Azizah Zain, Irwan Mahazir Ismail, Muhammad Fazli Taib Searani, Siti Nor Amalina Ahmad Tajuddin, & Maisarah Mohd Alim. 2023. Kemahiran dan cabaran guru prasekolah dalam pelaksanaan tarian tradisional Melayu di prasekolah. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan* 12(1): 12–18.
- Botangen, K. A., Vodanovich, S. & Yu, J. 2017, January 1. Preservation of indigenous culture among indigenous migrants through social media: The igorot peoples. *Proceedings of the 50 Hawaii International Conference on System Sciences*: 2303–2312.
- Burhanuddin Arafah. 2015. *Warisan budaya, pelestarian dan pemanfaatannya*. Makassar: Universitas Hasanuddin.
- Dayang Nadia Mawi & Humin Jusilin. 2017. Dokumentasi peralatan budaya makan sirih 'selapa' etnik Bajau Sama di Kota Belud. *Jurnal MANU* 26: 185–210.
- Eka Emilia & Nurlela. 2023. Pentingnya pelestarian warisan budaya dalam pariwisata. *JIMA: Jurnal Ilmiah Mahasiswa Research Findings, Literature Review, and Systematic Review* 1(1): 1–4.
- Gaidhani, S., Arora, L. & Sharma, B.K. 2019. Understanding the attitude of generation Z towards workplace. *Internasional Journal of Management, Technology and Engineering* 9(XI): 2804–2812.
- Gusni Saat. 2003. *Komuniti Samah-Bajau di bandar*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Gusni Saat. 2008. *Suku etnik Bajau: Urbanisasi, perubahan dan pembangunan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Gusni Saat. 2005. *Urbanisasi dan Stratifikasi Sosial di Kalangan Sama-Bajau di Sabah, Malaysia*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Halina Sendera Mohd Yakin. 2008. 'Duang': The semiotic interpretation and perception of the Bajau-Sama tradition. *Jurnal Sari* 26: 71–78.
- Halina Sendera Mohd Yakin. 2013a. Cosmology and world-view among the Bajau: The supernatural beliefs and cultural evolution. *Mediterranean Journal of Social Sciences, Special Issue* 4(9): 184–194.
- Halina Sendera Mohd Yakin. 2013b. Social hierarchy in Bajau tradisional culture. *Jurnal MANU* 19: 145–166.
- Halina Sendera Mohd Yakin. 2018. *Struktur Adat Kematian Menyingkap Pandangan Alam dan Kosmologi Masyarakat Bajau*. Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Halina Sendera Mohd Yakin & Saidatul Nornis Mahali. 2021. Sambulayang: signifikasi identiti budaya Bajau Semporna. Dalam Saidatul Nornis Mahali (ed.) *Geliga Etnik di Sabah*. hlm. 157–170. Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Hanafiah Diman. 1991. *Runsai: Nyanyi-tari Tradisi Masyarakat Bajau di Pantai Barat Sabah*. Latihan ilmiah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Harrith Hisham. 1 Ogos 2022. Permainan tradisional lenyap 20 tahun lagi. <https://www.kosmo.com.my/2022/08/01/seni-budaya-permainan-tradisional-lenyap-20-tahun-lagi/>.
- Hu Q, Hu X & Hou P. 2022. One social media, distinct habitus: Generation Z's social media uses and gratifications and the moderation effect of economic capital. *Front. Psychol.* 13,939128.
- Jamiah Manap, Mohammad Rezal Hamzah, Nor Jana Saim & Nurul Nabila Mohd Izani . 2015. The definition of Z generation: A systematic review. *Prosiding Simposium Kebudayaan Indonesia-Malaysia* 32(1): 607–623.
- Katz, R., Ogilvie, S., Shaw, J. & Woodhead, L. 2022. *Gen Z, explained: The art of living in a digital age*. Chicago: The University of Chicago Press.
- Lanny Nurhasanah, Bintang Panduraja Siburian & Jihan Alfira. 2021. Pengaruh globalisasi terhadap minat generasi muda dalam melestarikan kesenian tradisional Indonesia. *Jurnal Global Citizen* 10(2): 31–39.
- Lena Farida Hussain Chin & Mohd. Kipli Abdul Rahman. 2017. Kemampunan berasik: Persembahan ritual etnik Bajau Sama' di Sabah. Proceedings 1st Lombok International Edu-Tourism Conference (LIETC 2017). Hlm. 31–41.
- Lena Farida Hussain Chin, Hafzan Zannie Hamza, & Muchammad Bayu Tejo Sampurno. 2023. *Kajian kes dalam seni persembahan*. Vol 1. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Liu Yuxiao & Khairul Azhar Mat Daud. 2024. Mengkaji pengaruh estetika visual dalam penceritaan digital terhadap penglibatan masyarakat bagi tujuan pemerkasaan warisan budaya tidak ketara di media sosial. *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT) XIII* (2): 143–155.
- Mas'ud Abid. 2019. Menumbuhkan minat generasi muda untuk mempelajari musik tradisional. Prosiding Seminar Nasional Pendidikan Program Pascasarjana Universitas PGRI Palembang. Hlm. 428–437.
- Melati Mohd Ariff. 23 ogos 2022. Seni dan budaya teguhkan perpaduan. <https://www.bernama.com/bm/bfokus/news.php?id=2113582>. Diakses pada 1 Jun 2025.
- Mohamed, Rozmalina Izwanita, Lee, Yok Fee, Darshan Singh, Sarjit Singh, Fadzil, Mohd Fauzi. 2018. Cabaran dan usaha pengekalan identiti etnik bumiputera Siam. *Jurnal Pertanika Mahawangsa* 5(1): 389–397.
- Mohd Hassan Abdullah, Mohd Azam Sulong, Mohd Nizam Nasrifan, Suflan Faidzal Arshad & Nor Azman Mohd Ramli. 2024. Rhythms of identity: A comparative study of bertitik and mongigol-sumundai music in Bajau Samah and Rungus communities on Sabah's Northwest Coast, Malaysia. *Pakistan Journal of Life and Social Sciences* 22(2): 8758–8767.
- Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff, Hanapi Dollah & Ab Samad Kechot. 2011. Akta Warisan Kebangsaan, 2005: Tinjauan sepintas lalu. *Jurnal Melayu* (8): 173–188.
- Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff, Muammar Ghaddafi Hanafiah, Yusmilayati Yunos & Norizam Jamian. 2017. Generasi Z dan warisan budaya. Seminar Bahasa, Sastra dan Budaya Melayu (SEBAHTERA 2017). Hlm. 2–17.
- Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff. 2018. Pemuliharaan warisan budaya melalui perundangan warisan dan agensi pelaksana di Malaysia. *Jurnal Melayu* 17(2): 143–159.
- Muhamad Fauzi Swarna, Ahmad Royani, Silva Intan Lestari, Caca Anisa Rahmawati & Aulia Susiani Kesuma Dewi N. 2024. Peranan gen Z dalam mempertahankan budaya lokal Indonesia di era global. *Karimah Tauhid* 3(5): 5947–5953.
- Murnihati Sarumaha, Kaminudin Telaumbanua, & Darmawan Harefa. 2024. Pendidikan berbasis kearifan lokal Nias Selatan: Membangun identitas budaya pada generasi muda. *Jurnal Education and Development* 12(3): 663–668.

- Nadhirah Maulan, Nur Munifah Afifah Sarifudin, Mohd Nizam Yunus, Nik Azliza Nik Ariffin, Kamarul Azwan Azman. 2022. Perahu lepa: sejarah dan warisan suku kaum Bajau Laut. *Jurnal Sejarah Lisan Malaysia (JSLIM)* 6(3): 101–115.
- Natasha Edreena Mohamad Nasruddin & Zuliskandar Ramli. 2020. Keberkesanan media massa dan media sosial kepada masyarakat dalam menyelesaikan isu penjagaan warisan negara. *Asian Journal of Environment, History and Heritage* 4(1): 1–14.
- Ni Putu Anggita Putri Swari, Ni Kadek Mirayanti, Ni Putu Swandewi, & I Wayan Widnyana. 2023. Peran generasi muda dalam mempertahankan seni dan budaya bangsa. *Prosiding Pekan Ilmiah Pelajar (PILAR)* 3: 132–136.
- Ni Luh Putu Dita Pratiwi, Putu Sabda Jayendra & I Wayan Putra Aditya. 2024. Peran generasi Z dalam pelestarian kesenian genggong sebagai upaya pengembangan culture tourism. *Jurnal Ilmiah Pariwisata dan Bisnis* 3(8): 1435–1445.
- Nor Azan Mat Zin, Siti Fadzilah Mat Noor & Zurina Muda. 2016. *Kelestarian Warisan Budaya Melalui Teknologi Maklumat dan Komunikasi*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Hafidzah Abdullah, Wan Malini Wan Isa, Syadiah Nor Wan Shamsuddin, Norkhairani Abdul Rawi, Maizan Mat Amin & Wan Mohd Adzim Wan Mohd Zain. 2024. Towards digital preservation of cultural heritage: Exploring serious games for songket tradition. *International Journal of Advanced Computer Science and Applications (IJACSA)* 15(3): 209–215.
- Norshahira Abdul Said & Leng Poh Gee. 2024. Kajian kes terhadap Igal-Igal suku kaum Bajau di daerah Kunak, Sabah. Dalam Lena Farida Hussain Chin, Hafzan Zannie Hamza, Muchammad Bayu Tejo Sampurno (ed.) *Kajian kes dalam seni persembahan. Volume 1*. hlm. 78–91. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Nur Filzahruz Mohamad Sahi, Noorazeen Razalii, Nurul Ashiqin Jaafariii & Adila Abdullah 2025. Warisan dalam irama: Menelusuri identiti Adat Perpatih melalui lagu “This is Pilah”. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies* 34(5): 26–39.
- Oktavia Lutfi Mu’alifah & Jumino. 2021. Village in disseminating information on the cultural heritage of the archipelago as a form of conservation. *E3S Web of Conferences*, 317, 5002.
- Pengenalan bahagian Warisan tidak ketara dalam Portal Rasmi Jabatan Warisan Negara dalam <https://www.heritage.gov.my>. Diakses pada 11 Ogos 2025.
- Prescylla Anak Bagik & Nurulakmal Abdul Wahid. 2024. Ngajat Iban: kajian terhadap struktur persembahan di kampung budaya Sarawak. Dalam Lena Farida Hussain Chin, Hafzan Zannie Hamza, Muchammad Bayu Tejo Sampurno (ed.) *Kajian Kes dalam Seni Persembahan. Volume 1*. hlm. 44–52. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Rabiatul Addawiyah, Nur Anis Nabila Borhan, Marlia Idrus & Jafalzan Md Jali. 2024. Melestarikan sejarah seni warisan budaya Tarian Piring Selangor. *Jurnal Kajian Lisan Malaysia (JKLM)* 2(3): 82–92.
- Rosmah Derak, Saidatul Normis Mahali, & Noorafini Kassim. 2025. Pewajaran Ratu Serimpak sebagai simbol budaya dan tradisi etnik Sama-Bajau. *Sains Insani* 10(1): 108–118.
- Saidatul Normis Mahali. 1999. *Bahasa dan Alam Pemikiran Masyarakat Bajau*. Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Saidatul Normis Mahali. 2006. Baraq jomo diri terhadap sair Bajau Kota Belud: Tafsiran dari persepsi linguistik antropologi. *Jurnal Pengajian Melayu* 15: 90–111.
- Saidatul Normis Mahali. 2008. Interaksi sosial dalam isun-isun Bajau. *Akademika* 74: 59–87.
- Saidatul Normis Mahali. 2012. *Bajau Pantai Barat*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia.
- Saidatul Normis Mahali. 2015. *Isun-isun Citra Budaya Bajau*. Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Saidatul Normis Mahali. 2020. Pelestarian nilai budaya beracukan kearifan tradisi. Dalam Halina Sendera Mohd Yakin, Rosmah Derak & Abdul Hair Beddu Assis. (ed.) *Pengajian Liberal dan Kelangsungannya dalam Landskap Pendidikan Negara*. hlm. 199–218. Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Siti Norlizaiha Harun. 2019. Pembangunan pelancongan warisan melalui pemuliharaan & persembahan interpretasi. Program Bicara @ Muzium, Muzium Kota Kuala Kedah. 29 Julai 2019.
- Tapscott, D. 2008. *Grown Up Digital: How The Net Generation Is Changing Your World*. London: The McGraw-Hill.
- Torus Manusun Sianturi. 2025. Gaya hidup generasi Z dan perubahan tradisi lokal: Studi sosial budaya di Desa Sigompul, Kabupaten Humbang Hasundutan. *Boraspasi Journal: Journal of Bilingualism, Organization, Research, Articles, Studies in Pedagogy, Anthropology, Theory, and Indigenous Cultures* 2(3): 187–202.
- Twenge, J.M. 2023. Generations: The real differences between gen Z, Millennials, gen X, Boomers, and Silents- and what they mean for America’s future. *Perspectives on Science and Christian Faith* 75(3): 212–214.
- Wan Abdul Kadir Wan Yusoff. 2007. Antara tradisi dan perubahan pernyataan budaya di persisiran pantai timur Semenanjung Malaysia. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)* 18(1): 172–185.
- Yap Beng Liang. 1990. Perubahan sosial dalam masyarakat Bajau Kota Belud, Sabah. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Yap Beng Liang. 1993. Masyarakat Bajau Kota Belud (Sabah) pada zaman tradisional. Dalam Nik Safiah Karim (ed.) *Tinta Kenangan* (hlm. 272–305). Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Yap Beng Liang. Januari 1997. Nilai sosial masyarakat Bajau: Tradisi dan perubahan. Forum Universiti Malaya-Universitas Sumatera Utara, Kuala Lumpur.
- Zitomer, M. R. 2016. Dance makes me happy: Experiences of children with disabilities in elementary school dance education. *Research in Dance Education* 17(3): 218–234.
- Zulayti Zakaria, Ang Kean Hua, Mohamad Pirdaus Yusoh, Mohamad Ikhran Mohamad Ridzuan & Junaidah Yusof. 2023. Warisan budaya etnik Bajau Samah di Kota Belud, Sabah. *Asian Journal of Research in Education and Social Sciences* 5(3): 555–561.